



25 NOV, 2025

FBM KLCI mampu cecah paras psikologi 1,700 mata

Berita Harian, Malaysia



FBM KLCI mampu cecah paras psikologi 1,700 mata

Prestasi saham mewah jadi pemacu kritikal gerakan indeks ke paras lebih tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Indeks penanda aras pasaran saham negara, FBM KLCI berpotensi mencecah paras psikologi 1,700 mata jika saham berwajaran tinggi terutama bank kembali pulih, kata penganalisis.

Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) dalam nota penyelidikan terkininya menegaskan bahawa prestasi institusi perbankan utama dan gergasi utiliti, Tenaga Nasional (TNB) menjadi pemacu

kritikal untuk menggerakkan indeks berkenaan ke paras lebih tinggi.

Menurut perkiraannya, setiap kenaikan lima peratus dalam harga saham tiga bank utama secara kolektif boleh menaikkan indeks KLCI sebanyak 25 mata.

"Berdasarkan kepada wajaran saham komponen KLCI, tiga bank teratas dan TNB akan menjadi pemacu penting untuk menggerakkan indeks kepada 1,700.

"Sasaran akhir tahun kami bagi KLCI ialah pada paras 1,660, hanya tiga peratus lagi daripada paras semasa. Paras 1,700 adalah mungkin sekiranya terdapat pergerakan harga yang positif untuk bank," katanya.

Trend prestasi kukuh

Berdasarkan analisis musim pelaporan kewangan bagi suku ketiga 2025 setakat ini, Maybank IB berkata, trend menunjukkan satu lagi suku tahunan yang mencatatkan prestasi yang kukuh.

Katanya, dalam saham kompo-

nen KLCI, 38 peratus adalah sejar jangkaan, manakala 38 peratus lagi adalah melebihi jangkaan.

Walau bagaimanapun, jelasnya, 40 peratus daripada saham komponen KLCI ketinggalan dari segi prestasi harga saham sejak awal tahun, terutama kaunter berkaitan bank.

Maybank IB berkata, Indeks KLCI telah berlegar sekitar 1,610 hingga 1,630 dalam beberapa minggu kebelakangan ini dan minat kepada syarikat bermodal besar nampaknya kembali walaupun pemerhatiannya mendapati ia datang dari institusi tempatan.

Ia berkata, pasaran Malaysia kekal mencatatkan jualan bersih asing dari awal tahun dan mencatatkan aliran keluar bersih kecil pada bulan ini dengan saham Tenaga Nasional, YTL Power International Bhd dan Maxis Bhd mencatatkan jualan bersih utama.

Menurutnya, prestasi harga saham bank telah ketinggalan dari

awal tahun dan pemulihan akan menjadi penting untuk menerajui KLCI lebih tinggi, memandangkan wajaran beratnya secara kolektif dalam indeks adalah pada 30 peratus.

Bagi TNB pula, walaupun pelabur masih berhati-hati mengenai isu cukai yang menyelubungi syarikat itu, pemulihan harga sahamnya dianggap penting untuk menyokong sentimen keseluruhan pasaran, katanya.

Bagi bagi musim pelaporan kewangan suku ketiga 2025, Maybank IB berkata, beberapa titik terang masih ada terutama dalam saham bermodal besar, dengan bank menjadi perhatian.

Pihaknya juga menjangkakan daya tarikan positif untuk IHH Healthcare Bhd (IHH) berikutan peningkatan intensiti pendapatan dan pemulihan jumlah pesakit.

Dalam ruang telekomunikasi, katanya, saham bermodal besar seperti Telekom Malaysia Bhd (TM) sepatutnya melihat pendapatan stabil.